

**D.R. 15/2010**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “hari yang ditetapkan” takrif yang berikut:

“imej yang dirakamkan” ertinya apa-apa imej tampak (sama ada pegun atau bergerak) yang dirakamkan, diungkapkan, digambarkan atau tidak kira bagaimana jua sekali pun dilambangkan, termasuk apa-apa maklumat yang dinyatakan dalamnya;”;

(b) dalam takrif “jalan”—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”;
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) bagi maksud seksyen 48 dan 65, termasuk juga tempat letak kereta;” dan

- (iv) dengan memotong perkataan “tetapi tidak termasuk mana-mana jalan persendirian, jambatan, terowong atau apa-apa yang berhubung dengan jalan itu yang disenggarakan dan dijaga oleh orang persendirian atau badan-badan persendirian;”;

(c) dalam takrif “kenderaan barangan”, dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*]” perkataan “dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta* ]”;

(d) dalam takrif “kenderaan perkhidmatan awam”, dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987” perkataan “dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010”;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “Kerajaan” takrif yang berikut:

“kesalahan berjadual” ertinya suatu kesalahan yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama;’;

(f) dengan memasukkan selepas takrif “kesalahan berjadual” takrif yang berikut:

“kesalahan yang dirakamkan melalui kamera” ertinya suatu kesalahan yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua;’;

(g) dengan memasukkan selepas takrif “lesen memandu percubaan” takrif yang berikut:

‘ “lesen vokasional” ertinya lesen untuk memandu atau bertindak sebagai konduktor bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan;’; dan

(h) dengan memasukkan selepas takrif “Pesuruhjaya Polis” takrif yang berikut:

‘ “Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat” ertinya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010.’.

### **Seksyen baru 4A dan 4B**

**3.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

#### **“Kuasa pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan**

**4A.** Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan hendaklah menjalankan kuasa yang diberikan oleh Akta ini berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini di atas mana-mana jalan termasuklah jalan yang disenggarakan dan dijaga oleh orang persendirian atau badan persendirian.

#### **Kuasa Menteri untuk melantik pegawai lain**

**4B.** Menteri boleh melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini untuk menjalankan kuasa pegawai pengangkutan jalan.”.

### **Pindaan seksyen 5**

**4.** Perenggan 5(1)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ratus lima puluh” dengan perkataan “tiga ribu”.

**Pindaan seksyen 7****5. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (2)(e), dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987” perkataan “dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010”; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua ribu” dengan perkataan “tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu”.

**Pindaan seksyen 10****6. Perenggan 10(3)(a) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “enjin dan”.****Pindaan seksyen 11****7. Seksyen 11 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:**

“(1A) Walau apa pun perenggan (1)(a), Pengarah boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, dan selepas pembayaran fi yang ditetapkan, menguntukkan semula kepada pemunya berdaftar nombor pendaftaran mana-mana kenderaan motor yang telah dilaporkan hilang, dicuri, rosak, binasa, atau dihantar keluar dari Malaysia untuk selama-lamanya:

Dengan syarat bahawa nombor pendaftaran itu hendaklah diperuntukkan semula kepada kenderaan yang belum pernah didaftarkan.”.

**Seksyen baru 13A****8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 13 seksyen yang berikut:****“Plat nombor pendaftaran**

**13A.** (1) Ketua Pengarah hendaklah, atas permohonan, menguntukkan suatu plat nombor pendaftaran bagi sesuatu kenderaan motor yang telah didaftarkan di bawah Akta ini.

- (2) Tiada seorang pun boleh—
- (a) membuat atau mengeluarkan plat nombor pendaftaran melainkan jika diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk berbuat demikian;
  - (b) mengedarkan atau menjual plat nombor pendaftaran kepada orang lain; atau
  - (c) memasang plat nombor pendaftaran pada suatu kenderaan motor selain plat nombor pendaftaran yang diuntukkan oleh Ketua Pengarah di bawah subsekyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.”.

#### **Pindaan seksyen 14**

#### **9. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subsekyen yang berikut:

“(1) Nombor pendaftaran yang diuntukkan bagi sesuatu kenderaan motor apabila didaftarkan atau sesuatu nombor pendaftaran baru yang diuntukkan di bawah seksyen 11 hendaklah diperagakan dan disuarkan pada plat nombor mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah di bawah Akta ini.”;

- (b) dengan memotong subseksyen (2); dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subsekyen yang berikut:

“(4) Jika sesuatu nombor pendaftaran tidak diperagakan mengikut seksyen ini, pemandu atau orang yang menjaga kenderaan itu semasa kenderaan itu digunakan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.”.

**Pindaan seksyen 16**

**10.** Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Seseorang Pengarah boleh menghadkan tempoh sah suatu lesen kenderaan motor bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan jika dia mendapati bahawa pemohon itu—

- (a) telah disabitkan sebanyak tiga kali atau lebih dengan mana-mana kesalahan berjadual; atau
- (b) telah dikompaun sebanyak tiga kali atau lebih di bawah seksyen 120 bagi mana-mana kesalahan berjadual.”.

**Pindaan seksyen 17**

**11.** Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “enjin dan”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(bb) dalam hal permohonan melalui cara elektronik, perincian yang berkenaan dalam perakuan pendaftaran kenderaan motor itu dikemukakan dengan sewajarnya atas talian;” dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987” perkataan “, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010”.

**Pindaan seksyen 21**

**12.** Seksyen 21 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor masuk ke Malaysia tanpa lesen pelawat yang sah melakukan suatu kesalahan.”.

### **Pindaan seksyen 22**

**13.** Seksyen 22 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(8) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan seksyen 23**

**14.** Subseksyen 23(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua ribu ringgit” dengan perkataan “tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

### **Seksyen baru 27A**

**15.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 seksyen yang berikut:

#### **“Daftar pemegang lesen memandu**

**27A.** (1) Tiap-tiap Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar bagi pemegang lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Daftar itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat, perincian dan butir-butir sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.”.

### **Pindaan seksyen 34**

**16.** Seksyen 34 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Jika sesuatu mahkamah memerintahkan supaya butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau mengenai

apa-apa kehilangan kelayakan yang kepadanya orang yang disabitkan itu tertakluk diendorskan—

- (a) dalam hal orang yang disabitkan itu pada masa itu ialah pemegang suatu lesen memandu, pengendorsan itu hendaklah disifatkan telah dibuat jika butir-butir yang dikehendaki supaya diendorskan pada lesen memandu itu telah dimasukkan ke dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah mengenai lesen memandu yang diberikan di bawah Akta ini dan pemegang lesen memandu itu; dan
- (b) dalam hal orang yang disabitkan itu pada masa itu bukan seorang pemegang lesen, Ketua Pengarah hendaklah mengendorskan kehilangan kelayakan untuk mendapatkan lesen memandu di bawah seksyen 38.”;

(b) dengan memotong subseksyen (3) dan (4);

(c) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan “dan penyerahan balik mana-mana lesen memandu yang ada”; dan

(d) dengan memotong subseksyen (6) dan (7).

### **Pindaan seksyen 35**

**17.** Seksyen 35 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

“(8) Bagi maksud seksyen ini, seseorang hendaklah disifatkan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dia tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis itu dikeluarkan di bawah seksyen 119.”; dan



- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:

“(8A) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti orang yang disifatkan telah melakukan suatu kesalahan jika penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu diselesaikan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis yang disebut di bawah subseksyen (8) dikeluarkan.”.

### **Pindaan seksyen 35A**

#### **18. Seksyen 35A Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud seksyen ini, seseorang hendaklah disifatkan telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dia tidak menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis itu dikeluarkan di bawah seksyen 119.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menjejaskan liabiliti orang yang disifatkan telah melakukan suatu kesalahan jika penalti yang ditetapkan bagi kesalahan itu diselesaikan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis yang disebut di bawah subseksyen (6) dikeluarkan.”.

### **Pindaan seksyen 36**

**19.** Subseksyen 36(3) dan (4) Akta ibu dipinda masing-masing dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai polis” perkataan “, pegawai pengangkutan jalan”.

### **Pindaan seksyen 37**

**20.** Seksyen 37 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (3), (4) dan (5).

**Pindaan seksyen 38**

**21.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 38 dengan seksyen yang berikut:

**“Pengendorsan penggantungan, pembatalan atau hilang kelayakan**

**38.** (1) Ketua Pengarah hendaklah, apabila menggantung atau membatalkan lesen memandu atau menghilangkan kelayakan mana-mana orang untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu di bawah Akta ini, mengarahkan supaya dimasukkan butir-butir berhubungan dengan penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu dalam pangkalan data yang disenggarakan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, apabila tamatnya tempoh penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu, dengan serta merta mengeluarkan maklumat mengenai penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu dari pangkalan data.

(3) Mana-mana orang yang lesen memandunya telah digantung atau dibatalkan atau dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu tidak boleh, semasa tempoh penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan itu memandu suatu kenderaan motor di jalan di bawah apa-apa lesen memandu lain yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau mendapatkan lesen memandu.

(4) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor di atas jalan bertentangan dengan subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.”.

**Pindaan seksyen 39**

**22.** Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “enam belas” dengan perkataan “tujuh belas”;

- (b) dengan memotong subseksyen (2); dan
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua ribu” dengan perkataan “tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu”.

### **Pindaan seksyen 48**

#### **23. Seksyen 48 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “kesalahan” perkataan “dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengapit roda kenderaan motor itu atau mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana jalan lain atau mana-mana lokasi atau tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu notis dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya.

(3) Jika sesuatu kenderaan motor diapit rodanya di bawah subseksyen (2), pegawai yang berkenaan hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkan tentang pengapitan roda itu dan menghendaknya atau mana-mana orang yang mungkin

mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh empat jam dari waktu notis itu, untuk hadir dan meminta supaya kenderaan itu dilepaskan, dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai.

(4) Jika mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah subseksyen (2) atau (3), pegawai yang berkenaan hendaklah dalam masa dua puluh empat jam, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkan mengenai pengalihan itu dan menghendaknya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan menuntut kenderaannya.

(5) Selepas diterima tuntutan di bawah subseksyen (3) atau (4), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah dibayar fi bagi pengapitan, pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(6) Jika dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu hendaklah dilucuthakkan dan keempunyaan kenderaan motor itu hendaklah terletak hak pada Ketua Pengarah.

(7) Seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan, mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor, kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit atau dialihkan atau semasa ia ditahan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaiian atau dengan sengaja.

(8) Bagi maksud seksyen ini, “pihak berkuasa yang berkenaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 67.”.

### **Pindaan seksyen 53**

**24.** Seksyen 53 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika orang yang kepadanya disampaikan notis di bawah subseksyen (1) enggan menerima atau menafikan penerimaan notis itu, notis itu hendaklah dianggap telah disampaikan kepada orang itu pada tarikh penyampaian notis itu”.

### **Seksyen baru 53A, 53B dan 53C**

**25.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 53 seksyen yang berikut:

#### **“Notis kesalahan yang dirakamkan melalui kamera**

**53A.** (1) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, jika seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor dikatakan atau disyaki bersalah melakukan suatu kesalahan yang dirakamkan melalui kamera, seorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, dengan serta merta menyampaikan kepada pemunya berdaftar kenderaan motor itu suatu notis memerintahkannya supaya hadir di hadapan Majistret yang paling hampir yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor yang kepadanya disampaikan suatu notis di bawah oleh subseksyen (1) gagal hadir dengan sendiri atau melalui peguam, maka, melainkan jika didapati adalah tidak mungkin semunasabahnya bagi pemunya berdaftar kenderaan motor itu untuk hadir sedemikian, mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa notis itu telah disampaikan, mengeluarkan suatu waran bagi penangkapan pemunya berdaftar kenderaan motor itu melainkan jika dalam hal suatu kesalahan yang boleh dikompaun, pemunya berdaftar itu telah dibenarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh, masa dan tempat kesalahan dilakukan;
- (b) kesalahan yang dilakukan;
- (c) imej yang dirakamkan mengenai plat nombor pendaftaran kenderaan;
- (d) tandatangan digital pihak yang mengeluarkan notis; dan
- (e) tawaran untuk mengkompaun ataupun permintaan supaya hadir di Mahkamah.

(4) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk melaksanakan kesan sepenuhnya seksyen ini dan kaedah-kaedah itu boleh termasuk kaedah-kaedah—

- (a) untuk mengawal sedia prosedur yang berhubungan dengan pelaksanaan seksyen ini;
- (b) untuk menetapkan jenis kelengkapan dan sistem yang akan digunakan bagi pembaikan, penyenggaraan, penentuan dan pengujian apparatus atau kelengkapan itu; dan
- (c) untuk menetapkan jenis papan tanda dan lokasinya.

### **Kewajipan untuk mengemukakan nama dan alamat pemandu**

**53B.** (1) Seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor yang—

- (a) disampaikan suatu notis di bawah seksyen 53A kepadanya berkenaan dengan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera; dan
- (b) bukan pemandu kenderaan yang berhubungan dengan kesalahan yang dirakam melalui kamera pada masa kesalahan itu dilakukan,

hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis, disokong dengan surat kepada pihak berkuasa yang mengeluarkan notis itu, mengemukakan nama dan alamat orang yang memandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan itu dilakukan.

(2) Seseorang pemunya berdaftar kenderaan motor yang disampaikan kepadanya suatu notis yang berkenaan dengan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera disifatkan tidak bersalah sekiranya—

- (a) pemunya berdaftar itu mematuhi subseksyen (1) berhubung dengan kesalahan itu; dan
- (b) pihak berkuasa yang mengeluarkan notis itu berpuas hati bahawa pemunya berdaftar itu tidak tahu dan tidak boleh dengan usaha wajar memastikan nama dan alamat orang yang memandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan itu dilakukan.

(3) Mana-mana pemunya berdaftar kenderaan motor yang dengan salah menamakan orang lain sebagai pemandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan yang dirakamkan melalui kamera dilakukan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kewajipan untuk tidak memberikan, menyiarkan atau mendedahkan maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera**

**53c.** (1) Mana-mana orang yang, kerana apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera tidak boleh memberikan, menyiarkan atau selainnya mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat itu melainkan jika pendedahan itu adalah dikehendaki atau dibenarkan—

- (a) di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) oleh mana-mana mahkamah; atau
- (d) bagi pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat mengenai kesalahan yang dirakamkan melalui kamera” ertinya apa-apa imej yang dirakam, data, rekod, surat-menyurat atau apa-apa dokumen atau bahan atau maklumat yang berhubungan dengan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan seksyen 56**

#### **26. Seksyen 56 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan subseksyen (4) dan (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Suatu lesen vokasional boleh, pada bila-bila masa, digantung atau dibatalkan oleh Pengarah jika—

(a) disebabkan oleh apa-apa penyakit atau ketidakupayaan jasmani—

(i) pemegang lesen vokasional itu tidak layak memegang; atau

(ii) tidak sesuai bagi pemegang lesen vokasional itu untuk memegang,

lesen itu; atau

(b) pemegang lesen vokasional itu mempunyai perkara atau kes yang belum selesai dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau polis berhubung dengan apa-apa pelanggaran di bawah Akta ini.

(5) Jika Pengarah menggantung atau membatalkan lesen vokasional di bawah perenggan (4)(a), pemegang lesen vokasional itu boleh merayu kepada Ketua Pengarah dan berdasarkan rayuan itu, Ketua Pengarah, selepas apa-apa siasatan, jika ada, boleh membuat apa-



apa perintah yang difikirkannya adil dan mana-mana perintah sedemikian hendaklah mengikat Pengarah dan perayu.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:

“(9) Walau apa pun apa jua yang berlawanan dalam seksyen ini, seorang Pengarah boleh mengehadakan tempoh sah suatu lesen vokasional bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan jika dia berpuas hati bahawa pemohon itu mempunyai perkara atau kes yang belum selesai berhubung dengan apa-apa pelanggaran Akta ini.”.

### **Seksyen baru 58A**

27. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 58 seksyen yang berikut:

#### **“Pertukaran alamat**

**58A.** (1) Tiap-tiap pemunya berdaftar sesuatu kenderaan motor atau pemegang lesen memandu yang bertukar alamat di Malaysia hendaklah, dalam tempoh satu bulan dari pertukaran itu, menyampaikan kepada Pengarah notis bertulis mengenai pertukaran alamat itu.

(2) Jika pemunya berdaftar kenderaan motor atau pemegang lesen memandu tidak menyampaikan notis mengenai pertukaran alamat dalam tempoh yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), dia hendaklah disifatkan tidak memberitahu Pengarah tentang pertukaran alamat tersebut.

(3) Suatu notis pertukaran alamat di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada dan diterima oleh Pengarah jika—

- (a) disampaikan secara sendiri, dengan suatu pengakuterimaan penerimaan notis itu;
- (b) dihantar melalui pos berdaftar prabayar, dengan suatu pengakuterimaan bertulis penerimaan yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah Pejabat Pos 1947 [*MUG.N. 8436/1947*]; dan

- (c) dihantar dengan faksimili, dengan suatu pengakuteraan penerimaan yang menyatakan bahawa notis itu telah dihantar secara keseluruhannya kepada nombor faksimili penerima.

(4) Pengarah hendaklah, setelah diterima notis di bawah subseksyen (1), mengemaskinikan daftar kenderaan motor di bawah seksyen 8 dan daftar pemegang lesen memandu di bawah seksyen 27A.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau memberikan alamat yang tidak lengkap atau alamat yang tidak betul melakukan suatu kesalahan.”.

### **Pindaan seksyen 60**

**28.** Subseksyen 60(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat puluh lapan jam” dengan perkataan “lima hari bekerja”.

### **Pindaan seksyen 62**

**29.** Subseksyen 62(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “balai polis” perkataan “atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah”.

### **Pindaan seksyen 63**

**30.** Subseksyen 63(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kesalahan” perkataan “dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”.

### **Pindaan seksyen 64**

**31.** Seksyen 64 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang menahan kenderaan itu

hendaklah dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik, memberikan notis secara bertulis mengenai penahanan itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya itu diketahui olehnya dan jika dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penahanannya kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunya, pegawai itu hendaklah merujuk perkara itu kepada Majistret, yang hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pelucuthakan atau pelupusan kenderaan motor itu serta muatannya (jika ada).”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Jika sesuatu kenderaan motor yang ditahan mempunyai muatan mudah musnah dan penyimpanan muatan itu sementara menunggu pemberesan muktamad pelucuthakan atau perintah pelupusan di bawah subseksyen (4) melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah, Pengarah boleh mengarahkan supaya muatan itu dijual atau dilupuskan pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.”.

## **Pindaan seksyen 65**

### **32. Seksyen 65 Akta ibu dipinda—**

- (a) masing-masing dalam subseksyen (1) dan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “polis,” perkataan “seorang pegawai pengangkutan jalan,”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) pegawai pengangkutan jalan, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai pengangkutan jalan;”; dan

- (c) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan “polis,” perkataan “seorang pegawai pengangkutan jalan,”.

**Pindaan seksyen 66**

33. Subseksyen 66(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (*f*) dan (*m*).

**Bahagian baru IIb**

34. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66G Bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN IIb****KENDERAAN MOTOR ASING****Permit masuk bagi kenderaan motor asing**

66H. (1) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor asing ke dalam Malaysia melalui mana-mana laluan, tempat mendarat, tempat pemeriksaan, atau tempat masuk, selain tempat masuk yang dibenarkan, hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu permit masuk bagi kenderaan motor asing mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor asing melalui tempat masuk yang dibenarkan hendaklah mengemukakan, apabila diminta oleh mana-mana pegawai pengangkutan jalan, apa-apa perakuan pendaftaran, lesen, permit atau apa-apa dokumen lain yang serupa yang dikeluarkan berkenaan dengan kenderaan motor itu oleh pihak berkuasa yang sewajarnya di negara di mana kenderaan itu didaftarkan.

(3) Jika pegawai pengangkutan jalan itu berpuas hati bahawa orang yang memandu kenderaan motor asing itu akan tinggal sementara sahaja di Malaysia, pegawai itu boleh, setelah dibayar fi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah oleh pemandu kenderaan motor asing itu, mengeluarkan permit masuk bagi kenderaan motor asing berkenaan dengan kenderaan itu bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Setelah permit masuk kenderaan motor asing itu dikeluarkan, pegawai pengangkutan jalan itu hendaklah menyebabkan supaya direkodkan—

- (a) butir-butir pemandu seperti nama dan nombor lesen memandu;
- (b) nombor pendaftaran kenderaan motor asing itu;
- (c) jenis kenderaan motor asing itu;
- (d) tarikh, masa dan tempat ketibaan kenderaan motor asing itu;
- (e) tempoh sah dan syarat-syarat lain permit masuk bagi kenderaan motor asing itu; dan
- (f) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod kenderaan motor dan pemandu yang berkenaan dengannya permit masuk kenderaan telah dikeluarkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah atau pegawai pengangkutan jalan itu boleh enggan untuk mengeluarkan permit masuk bagi kenderaan motor asing atau membatalkan permit masuk bagi kenderaan motor asing yang telah dikeluarkan jika—

- (a) kenderaan motor asing itu melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (b) Ketua Pengarah atau pegawai pengangkutan jalan itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kenderaan motor asing yang berhubungan dengan permohonan atau permit itu telah atau dicadangkan untuk digunakan bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(7) Mana-mana orang yang memandu kenderaan motor asing tanpa permit masuk yang dikeluarkan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Pengecualian**

**66i.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana kenderaan motor atau jenis atau kelas kenderaan motor daripada mana-mana peruntukan seksyen 66H, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya sesuai.

**Perkara yang belum selesai berhubungan dengan kenderaan motor asing**

**66j.** Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan boleh melarang mana-mana kenderaan motor asing daripada memasuki atau keluar dari Malaysia, jika berkenaan dengan kenderaan itu terdapat apa-apa perkara yang belum selesai berhubungan dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan terhadap Akta ini, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

**Tafsiran seksyen 66H, 66i dan 66j**

**66k.** Bagi maksud seksyen 66H, 66i dan 66j—

“tempat masuk yang dibenarkan” ertinya suatu tempat masuk yang diisytiharkan sebagai tempat masuk yang dibenarkan di bawah subseksyen 5(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*];

“lesen memandu asing” ertinya suatu lesen memandu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sepatutnya di sesuatu negara asing;

“kenderaan motor asing” ertinya suatu kenderaan motor yang didaftarkan oleh pihak berkuasa yang sepatutnya di suatu negara asing.”.

## Pindaan seksyen 69

### 35. Seksyen 69 Akta itu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan bagi mana-mana lebuhraya atau mana-mana bahagian daripadanya suatu had laju yang lebih rendah, atau dengan persetujuan Menteri, yang lebih tinggi daripada had laju kebangsaan.”;

- (b) dengan menomborkan semula subseksyen (1A) yang sedia ada sebagai subseksyen (1B) dan memasukkan selepas perkataan “(1)” perkataan “atau had laju yang ditetapkan dalam subseksyen (1A)”;

- (c) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “dengan suatu jalan Persekutuan” perkataan “, termasuk lebuhraya”; dan

(ii) dalam proviso kepada subseksyen itu, dengan memasukkan selepas perkataan “kebangsaan” perkataan “atau berhubungan dengan suatu lebuhraya atau sebahagian daripadanya, had laju yang ditetapkan di bawah subseksyen (1A) bagi lebuhraya itu atau sebahagian daripadanya”;

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Orang yang berikut hendaklah mendirikan dan menyelenggarakan dalam apa-apa kedudukan di mana-mana tempat yang dapat memberi notis yang mencukupi mengenai had laju yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (1A) dan larangan di bawah subseksyen (2), apa-apa isyarat lalu lintas sebagaimana yang ditetapkan, yang menunjukkan jenis larangan itu:

- (a) berhubungan dengan jalan Persekutuan yang merupakan lebuhraya, Ketua Pengarah Lembaga

Lebuhraya Malaysia atau mana-mana orang yang diberi kuasa yang sepatutnya oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, yang merupakan seorang yang diberi kuasa di bawah Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*];

- (b) berhubungan dengan jalan Persekutuan yang bukannya lebuhraya, Ketua Pengarah Kerja Raya; dan
  - (c) berhubungan dengan mana-mana jalan lain dalam kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan yang berkenaan itu.”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Dalam seksyen ini, “lebuhraya” ertinya—

- (a) jalan Persekutuan yang di atasnya lalu lintas bagi kedua-dua hala dipisahkan oleh median dan yang persimpangannya disambungkan kepada jalan awam melalui persimpangan bertingkat tanpa apa-apa sambungan terus kepada mana-mana jalan persendirian; atau
- (b) jalan persekutuan yang diisytiharkan sebagai lebuhraya oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, yang merupakan jalan yang di atasnya lalu lintas bagi kedua-dua hala dipisahkan oleh median dan yang persimpangannya disambungkan kepada jalan awam atau jalan persendirian.”.

### **Pindaan seksyen 71**

**36.** Seksyen 71 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa skim penentuan harga bagi kesesakan atau hal perkara apa-apa perintah yang boleh dibuat di bawah seksyen 13 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.”.



**Pindaan seksyen 88**

37. Subseksyen 88(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas proviso kepada subseksyen itu proviso selanjutnya yang berikut:

“Dengan syarat selanjutnya bahawa tiada kaedah-kaedah boleh dibuat berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam perenggan (*e*), (*f*) dan (*g*) berhubungan dengan pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan kenderaan barangan yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.”.

**Pindaan seksyen 108**

38. Seksyen 108 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” dengan perkataan “tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun”; dan
- (b) dengan memotong proviso kepada subseksyen (3).

**Pindaan seksyen 109**

39. Seksyen 109 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Bagi maksud seksyen ini, “pemegang lesen” ertinya—

- (a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia—
  - (i) orang yang dilesenkan sebagai pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam;

- (ii) orang yang kepadanya dikeluarkan lesen kenderaan pelancongan; atau
- (iii) orang yang dilesenkan sebagai pengendali perkhidmatan kenderaan barangan,

di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010; dan

(b) bagi Sabah dan Sarawak—

- (i) orang yang kepadanya dikeluarkan lesen kenderaan perkhidmatan awam bagi bas berhenti-henti, bas catar, bas ekspres, bas mini, bas pekerja, bas pengantara atau bas sekolah; atau
- (ii) orang yang kepadanya dikeluarkan lesen kenderaan barangan bagi lesen pembawa ‘A’ atau lesen pembawa ‘B’,

di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.”.

### **Pemotongan seksyen 110A**

**40.** Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 110A.

### **Pindaan seksyen 112**

**41.** Seksyen 112 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai polis” di mana-mana jua terdapat perkataan “, pegawai pengangkutan jalan”.

### **Seksyen baru 115A**

**42.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 115 seksyen yang berikut:

**“Kewajipan untuk memberikan maklumat dan kuasa untuk memerintahkan kehadiran di mahkamah**

**115A.** (1) Walau apa pun seksyen 115, jika pemunya sesuatu kenderaan motor dikatakan telah melakukan atau disyaki melakukan suatu kesalahan berhubung dengan

pemanduan sesuatu kenderaan motor, seorang pegawai polis, warden lalulintas atau pegawai pengangkutan jalan boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, dengan serta-merta menyampaikan kepada pemunya itu suatu notis dalam borang yang ditetapkan ke alamatnya yang terakhir diketahui bagi pemunya kenderaan motor itu memerintahkannya untuk memberikan maklumat tentang identiti dan alamat orang yang telah memandu kenderaan motor tersebut pada masa atau lebih kurang pada masa kesalahan yang dikatakan itu, dan tentang lesen yang dipegang oleh orang itu.

(2) Jika pemunya sesuatu kenderaan motor yang kepadanya disampaikan notis yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak mematuhi notis itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya, dia hendaklah disifatkan sebagai pemandu kenderaan motor itu pada masa atau lebih kurang pada masa kesalahan itu dilakukan dan hendaklah hadir di hadapan mahkamah Majistret yang paling hampir yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa maklumat yang diberikan di bawah seksyen ini oleh mana-mana orang yang kemudiannya dipertuduh dengan apa-apa kesalahan berkaitan dengan pemanduan sesuatu kenderaan motor boleh digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraan bagi pertuduhan itu.”.

### **Pindaan seksyen 117**

**43.** Seksyen 117 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (10) subseksyen yang berikut:

“(11) Dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah, apa-apa imej yang dirakamkan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini hendaklah diterima sebagai keterangan, dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* bagi fakta yang dinyatakan dalamnya.”.

**Pindaan seksyen 118****44.** Seksyen 118 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Apa-apa notis yang dikehendaki supaya diberikan atau disampaikan di bawah Akta ini, boleh, melainkan jika apa-apa cara penyampaian yang lain ditetapkan, disampaikan kepada orang yang tersentuh olehnya seperti yang berikut:

(a) dengan menyerahkan salinan notis asal secara sendiri kepada orang itu;

(b) dengan menampalkan salinan notis itu di mana-mana bahagian rumah itu yang mudah dilihat atau di mana-mana tempat lain di mana orang itu biasanya tinggal;

(c) dengan menampalkan salinan notis itu di mana-mana bahagian kenderaan motor orang itu yang mudah dilihat; atau

(d) dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar.”;

(b) dalam perenggan (2)(c), dengan menggantikan perkataan “alamat perniagaan atau alamat persendirian individu atau kumpulan orang itu yang terakhir diketahui” dengan perkataan “alamat persendirian yang disimpan dalam daftar Pengarah di bawah seksyen 8 dan 27A”; dan

(c) dengan memotong subseksyen (4).

**Seksyen baru 119B**

**45.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 119A seksyen yang berikut:

**“Kuasa Pengarah untuk menolak atau menggantung urusan atau transaksi**

**119B.** (1) Walau apa pun perenggan 17(1)(d) dan subseksyen 29(1A), Pengarah boleh menolak atau menggantung apa-

apa urusan atau transaksi atau sebahagiannya di bawah Akta ini jika terdapat perkara atau kes yang belum selesai berhubungan dengan apa-apa pelanggaran Akta ini atau apa-apa pelanggaran undang-undang bertulis yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga:

Dengan syarat bahawa—

- (a) dalam hal lesen kenderaan motor, perkara atau kes yang belum selesai berhubungan dengan kenderaan motor tertentu bagi seseorang itu tidak akan menjejaskan mana-mana kenderaan motor yang lain yang didaftarkan atas namanya; dan
- (b) dalam hal lesen memandu, perkara atau kes yang belum selesai berhubungan dengan kelas lesen memandu tertentu bagi seseorang tidak akan menjejaskan kelas lesen memandunya yang lain.”.

### **Pindaan seksyen 120**

46. Subseksyen 120(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga ratus” dengan perkataan “satu ribu”.

### **Pindaan seksyen 122**

47. Subseksyen 122(1) dan (2) Akta ibu dipinda masing-masing dengan memasukkan selepas perkataan “kenderaan perkhidmatan awam,” perkataan “kenderaan pelancongan,”.

### **Pindaan seksyen 125**

48. Seksyen 125 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan pelesenan pemandu motor” dengan perkataan “, pelesenan pemandu kenderaan motor dan pengutipan bayaran atau caj”.

**Seksyen baru 127A**

**49.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 127 seksyen yang berikut:

**“Kuasa Menteri untuk meminda jadual**

**127A.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda mana-mana jadual.”.

**Jadual baru**

**50.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 129 jadual yang berikut:

## “JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

## KESALAHAN BERJADUAL

Butiran	Jenis kesalahan (1)	Peruntukan undang-undang (2)
(i)	Memandu melebihi had laju	Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Had Laju) 1989 [P.U. (A) 25/1989]
(ii)	Tidak mematuhi isyarat lalu lintas	Subseksyen 79(2) Akta ini
(iii)	Memotong di garisan berkembar	Subseksyen 79(2) Akta ini
(iv)	Memandu di lorong kecemasan	Kaedah 53, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [L.N. 166/1959]
(v)	Memotong dan menghalang daripada memotong	Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [L.N. 166/1959]
(vi)	Memotong barisan	Perenggan 3(2)(b), Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [L.N. 166/1959]
(vii)	Menggunakan telefon bimbit semasa memandu	Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [L.N. 166/1959]

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2]

KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN MELALUI KAMERA

- (i) Memandu kenderaan selain bas di lorong bas
- (ii) Memandu melebihi had laju yang ditetapkan
- (iii) Tidak mematuhi lampu isyarat

JADUAL KETIGA

[Seksyen 119B]

- (i) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 [*Akta 127*”].

### **Kecualian dan peralihan**

**51.** (1) Jika pada tarikh permulaan kuat kuasa seksyen 23 Akta ini, mana-mana orang yang berumur kurang daripada tujuh belas tahun telah membuat permohonan bagi lesen memandu bagi motosikal atau kenderaan orang cacat di bawah seksyen 27 atau 29 Akta ibu, mengikut mana-mana yang berkenaan, permohonan itu hendaklah diteruskan dan diuruskan di bawah peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Tiap-tiap perintah, yang merupakan perintah yang dibuat di bawah seksyen 69 Akta ibu, yang menetapkan had laju bagi jalan Persekutuan yang, pada permulaan kuat kuasa seksyen 36 Akta ini, termasuk lebuhraya hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah subseksyen 69(1B) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Akta ibu.

(3) Apa-apa rayuan bertulis yang dibuat di bawah subseksyen 37(3) Akta ibu berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan lesen memandu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan di bawah peruntukan subseksyen 37(3), (4) dan (5) Akta ibu seolah-olah subseksyen itu tidak dipinda oleh Akta ini.

(4) Mana-mana kenderaan motor dan muatannya (jika ada) yang ditahan di bawah seksyen 64 Akta ibu sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah dijual atau dilupuskan mengikut subseksyen 64(4) Akta ibu seolah-olah subseksyen itu tidak dipinda oleh Akta ini.

(5) Tiada apa-apa jua dalam Akta ibu atau Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang yang dipertuduh atau dihukum bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini atau mana-mana prosiding yang dibawa atau apa-apa hukuman yang dijatuhkan sebelum tarikh itu berhubungan dengan kesalahan itu.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 (“Akta 333”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 333 dengan memasukkan takrif “imej yang dirakam”, “kesalahan berjadual”, “kesalahan yang dirakamkan melalui kamera”, “lesen vokasional” dan “Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat”. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda takrif “jalan”, “kenderaan barangan” dan “kenderaan perkhidmatan awam”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A dan 4B ke dalam Akta 333. Seksyen 4A yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan untuk menjalankan kuasa mereka berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta 333 di atas mana-mana jalan termasuklah jalan yang disenggarakan oleh orang atau badan persendirian manakala seksyen 4B pula bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat untuk menjalankan kuasa pegawai pengangkutan jalan bagi maksud Akta 333.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 333 untuk menambah berat tanpa muatan bagi kenderaan orang cacat daripada 250 kilogram kepada 3000 kilogram.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 333 berbangkit daripada berkuat kuasanya Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan untuk menaikkan penalti daripada tidak melebihi dua ribu ringgit kepada tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 333 untuk membolehkan semua jenis kenderaan, termasuk kenderaan tanpa nombor enjin didaftarkan di bawah Akta 333.



8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 333 untuk membolehkan nombor pendaftaran mana-mana kenderaan yang dilaporkan hilang, dicuri, rosak, binasa, atau dihantar keluar dari Malaysia untuk selama-lamanya.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13A ke dalam Akta 333. Subseksyen 13A(1) yang dicadangkan bertujuan untuk memperjelas bahawa hanya Ketua Pengarah boleh menguntukkan suatu plat nombor pendaftaran bagi mana-mana kenderaan yang didaftarkan di bawah Akta 333. Subseksyen 13A(3) yang dicadangkan selanjutnya memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang membuat, mengeluarkan, mengedarkan, menjual atau memasang plat nombor pendaftaran melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 333 untuk menghendaki nombor pendaftaran diperagakan pada kenderaan motor mengikut cara yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah dan untuk menaikkan penalti maksimum bagi pelanggaran.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 333 untuk mengehadkan tempoh sah sesuatu lesen kenderaan motor jika pemohon telah disabitkan sebanyak tiga kali atau lebih dengan mana-mana kesalahan berjadual atau telah membayar kompaun di bawah seksyen 120 sebanyak tiga kali atau lebih bagi mana-mana kesalahan berjadual.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 333. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (*bb*) untuk membolehkan permohonan bagi pendaftaran kenderaan motor dan pembaharuan lesen dibuat melalui cara elektronik.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 333 untuk menghalang kemasukan kenderaan motor asing yang tidak mempunyai lesen pelawat yang sah ke Malaysia.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 22(8) ke dalam Akta 333. Subseksyen 22(8) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar seksyen 22 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 23(2) Akta 333 untuk menaikkan penalti bagi pelanggaran subseksyen 23(1) daripada tidak melebihi dua ribu ringgit kepada tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 27A ke dalam Akta 333. Di bawah seksyen baru 27A yang dicadangkan, tiap-tiap pengarah bertanggungjawab untuk menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar bagi pemegang lesen memandu yang didaftarkan di bawah Akta 333.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda subseksyen 34(2) Akta 333. Subseksyen 34(2) yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki mahkamah memberikan notis kepada Pengarah memaklukkannya mengenai sabitan terhadap mana-mana pemegang lesen memandu untuk membolehkan Pengarah mengendorskan maklumat itu ke dalam pangkalan data.

18. *Fasal 17* dan *18* bertujuan untuk masing-masing meminda seksyen 35 dan 35A Akta 333 berhubung dengan kegagalan seseorang untuk menyelesaikan penalti yang ditetapkan bagi mana-mana kesalahan yang telah dilakukan olehnya dalam tempoh tiga bulan dari pengeluaran notis di bawah seksyen 119.

19. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3) Akta 333 untuk memberi pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk melakukan ujian awal urin dan menahan lesen memandu pemandu yang diuji positif bagi dadah.

20. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 37(3), (4) dan (5) Akta 333 bagi memendekkan tempoh yang dalamnya tindakan boleh diambil terhadap orang yang telah diberi mata demerit maksimum bagi maksud penggantungan atau pembatalan lesen memandunya.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 333 untuk menghendaki butir-butir berhubung dengan penggantungan, pembatalan atau kehilangan kelayakan seorang daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu dimasukkan ke dalam pangkalan data.

22. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 333. *Subfasal (a)* bertujuan untuk menaikkan umur kelayakan bagi maksud permohonan lesen memandu. *Subfasal (b)* bertujuan untuk memotong subseksyen (2) manakala *subfasal (c)* bertujuan untuk menaikkan penalti bagi pelanggaran seksyen ini daripada tidak melebihi dua ribu ringgit kepada tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

23. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 333. *Subfasal (a)* bertujuan untuk menomborkan peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1). *Subfasal (b)* bertujuan untuk menetapkan penalti kerana menyebabkan bahaya, halangan atau menimbulkan kesusahan yang tidak patut kepada pengguna lain jalan. Di bawah pindaan yang dicadangkan pesalah akan dikenakan penalti tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya.

*Subfasal (c)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (2), (3), (4), (5), (6), (7) dan (8) untuk memberi pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan kuasa untuk mengapit roda mana-mana kenderaan motor yang menghalang sesuatu jalan atau untuk mengalihkan atau menyebabkan dialih kenderaan motor itu.

24. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 53(1A) ke dalam Akta 333. Di bawah pindaan yang dicadangkan jika seseorang yang kepadanya disampaikan suatu notis di bawah subseksyen 53(1) enggan menerima atau menafikan penerimaan notis itu, notis itu hendaklah dianggap telah disampaikan kepada orang itu pada tarikh penyampaian notis itu.

25. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 53A, 53B dan 53C ke dalam Akta 333. Seksyen 53A yang dicadangkan memperkatakan penyerahan notis kesalahan yang dirakamkan melalui kamera kepada pemunya berdaftar yang dikatakan telah melakukan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera. Seksyen 53B yang dicadangkan menjadikan suatu kewajipan bagi pemunya berdaftar itu untuk mengemukakan maklumat mengenai nama dan alamat pemandu kenderaan motor itu jika dia bukan pemandu kenderaan motor itu pada masa kesalahan itu dilakukan. Sebagai tambahan, seksyen 53C yang dicadangkan melarang mana-mana orang yang, kerana apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat tentang kesalahan yang dirakamkan melalui kamera daripada memberikan, menyiarkan atau selainnya mendedahkan maklumat itu kepada mana-mana orang lain.
26. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 56 Akta 333. *Subfasal (a)* bertujuan untuk memberi Pengarah kuasa untuk menggantung atau membatalkan sesuatu lesen vokasional manakala *subfasal (b)* pula bertujuan untuk memberi Pengarah kuasa untuk menegakkan tempoh sah sesuatu lesen vokasional.
27. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 58A ke dalam Akta 333. Seksyen yang dicadangkan ini mengenakan tanggungjawab ke atas pemunya sesuatu kenderaan motor atau pemegang lesen memandu untuk memaklumkan Pengarah mengenai apa-apa pertukaran alamat dan menjadikan suatu kesalahan jika tidak berbuat demikian.
28. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta 333 untuk menetapkan tempoh penahanan yang lebih panjang bagi kenderaan motor daripada empat puluh lapan jam kepada lima hari bekerja.
29. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda subseksyen 62(1) Akta 333 untuk memberi pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk memasuki dan menggeledah premis.
30. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda subseksyen 63(1) Akta 333 bagi mewujudkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen itu.
31. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 64 Akta 333 untuk menjelas dengan lebih lanjut tatacara pelucuthakan dan pelupusan sesuatu kenderaan motor dan juga muatannya yang mudah musnah.
32. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 65 Akta 333 untuk memberi pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk mengalihkan kenderaan motor yang rosak dan yang ditinggalkan termasuk kenderaan terbiar daripada menjadi halangan di mana-mana jalan.
33. *Fasal 33* bertujuan untuk memotong perenggan 66(1)(f) dan (m) memandangkan kuasa untuk mengawal selia perkara yang dinyatakan dalam subperenggan itu akan terletak hak pada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat menurut Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010.
34. *Fasal 34* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IIB yang mengandungi seksyen 66H, 66I, 66J dan 66K ke dalam Akta 333. Bahagian baru yang dicadangkan ini bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah, Pengarah dan pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan Akta

333 terhadap kenderaan motor asing. Bahagian baru yang dicadangkan ini juga memberi Ketua Pengarah dan pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap kenderaan motor asing jika terdapat apa-apa perkara yang belum selesai berhubungan dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan terhadap Akta 333, Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

35. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 69 Akta 333. Pindaan yang dicadangkan terutamanya bertujuan untuk memberi Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya kuasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, untuk menetapkan had laju bagi lebuhraya atau mana-mana bahagian daripadanya suatu had laju yang lebih rendah, atau dengan persetujuan Menteri, lebih tinggi daripada had laju kebangsaan. *Subfasal (d)* mengenakan kewajipan ke atas pihak berkuasa yang berkenaan untuk mendirikan dan menyenggara isyarat lalu lintas mengenai had laju di semua jalan dalam bidang kuasa mereka. Sebagai tambahan, *subfasal (e)* bertujuan untuk memasukkan takrif baru “lebuhraya”.

36. *Fasal 36* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 71(3) baru ke dalam Akta 333. Subseksyen baru yang dicadangkan mengecualikan pemakaian seksyen 71 Akta 333 kepada kawasan di mana skim penentuan harga bagi kesesakan terpakai atau hal perkara apa-apa perintah yang boleh dibuat di bawah seksyen 13 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

37. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan proviso selanjutnya kepada subseksyen 88(1) Akta 333. Proviso yang dicadangkan bertujuan untuk mengecualikan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam perenggan (*e*), (*f*) dan (*g*) berhubungan dengan pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan pengendali perkhidmatan kenderaan pelancongan dan kenderaan barangan yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 kerana kuasa untuk mengawal selia perkara itu akan terletak hak pada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat menurut Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010.

38. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda subseksyen 108(3) Akta 333 dengan menaikkan kadar penalti daripada tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan bagi selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya kepada tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

39. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda subseksyen 109(5) Akta 333 supaya selaras dengan peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

40. *Fasal 40* bertujuan untuk memotong seksyen 110A Akta 333.

41. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 112 Akta 333 untuk memberikan pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk menangkap, memberhentikan atau menahan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta 333.

42. *Fasal 42* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 115A ke dalam Akta 333 untuk memberi pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk menghendaki maklumat tentang identiti dan alamat orang yang memandu kenderaan motor

pada masa kesalahan itu dikatakan telah dilakukan. *Fasal* ini juga memberi pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk memerintahkan kehadiran seseorang di mahkamah.

43. *Fasal 43* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 117(11) baru ke dalam Akta 333 untuk menjadikan imej yang dirakam boleh diterima di mahkamah.

44. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 118 Akta 333 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan cara penyampaian notis yang dikeluarkan di bawah Akta 333.

45. *Fasal 45* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 119B ke dalam Akta 333 untuk memberi Pengarah kuasa untuk menolak atau menggantung apa-apa urusan atau transaksi di bawah Akta 333 jika terdapat perkara atau kes yang belum selesai berhubung dengan pelanggaran Akta 333 atau undang-undang bertulis yang ditetapkan.

46. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 333 untuk menaikkan kadar kompaun yang boleh dikenakan daripada tiga ratus ringgit kepada satu ribu ringgit.

47. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda subseksyen 122(1) dan (2) Akta 333 bagi menghendaki mahkamah untuk memaklumkan Pengarah berkenaan dengan sabitan seseorang yang merupakan atau pernah bertindak sebagai pemandu atau konduktor atau pemunya kenderaan pelancongan.

48. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 125 Akta 333 untuk membolehkan Menteri memberi kuasa mana-mana orang untuk menjalankan fungsi Pengarah berkenaan dengan pengutipan bayaran atau caj.

49. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 127A ke dalam Akta 333 untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda mana-mana jadual kepada Akta 333.

50. *Fasal 50* bertujuan untuk memasukkan Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga ke dalam Akta 333. Jadual-jadual ini bertujuan untuk menetapkan senarai kesalahan berjadual dan kesalahan yang dirakamkan melalui kamera.

51. *Fasal 51* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2509]